



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

### **BERKENAAN:**

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI PERAK TAHUN 2020**

1. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, Laporan Ketua Audit Negara mengenai negeri hendaklah dikemukakan kepada Raja atau Yang di-Pertua negeri itu yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Perak Tahun 2020 setelah mendapat perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada **2 Disember 2021**. Seterusnya, setelah mendapat perkenan KDYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan pada **9 Disember 2021**, laporan tersebut akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Perak pada **29 Mac 2022**.

3. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

### **3.1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Tahun 2020**

#### **3.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain. Penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, satu perkara dibangkitkan dalam perenggan Hal-hal Lain di Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:

- (a) Kerajaan Negeri Perak hendaklah menyediakan Arahan Amanah bagi Akaun Amanah Kerajaan Kira-Kira Perjalanan Woksyop yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Arahan Amanah ini bertujuan sebagai garis panduan dalam mengendalikan dan menguruskan sesuatu akaun amanah. Penyediaan Arahan Amanah hendaklah mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

#### **3.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- (a) Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan negeri, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri.
- (b) Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki Kumpulan Wang Disatukan pada

akhir tahun 2020 bagi Negeri Perak telah menurun sebanyak RM20.79 juta atau 1.6% menjadi RM1.260 bilion pada tahun 2020 berbanding RM1.280 bilion pada tahun 2019.

- (c) Baki Akaun Hasil Disatukan menurun sebanyak RM78.01 juta menjadi RM539.58 juta berbanding RM617.59 juta pada tahun 2019. Kedudukan kewangan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2020 mencatat kurangan berjumlah RM78.01 juta berbanding lebih RM5.14 juta yang diperolehi pada tahun 2019.

### **3.2. Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Perak**

3.2.1. Pada tahun 2021, sebanyak tiga pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap satu jabatan dan dua agensi negeri:

- (a) Pematuhan terhadap Perolehan Sebut Harga tahun 2020 di Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Hilir Perak melibatkan 58 perolehan bernilai RM5.34 juta. Pengauditan meliputi tatacara perolehan dan prosedur pembayaran.
- (b) Pematuhan terhadap Penggunaan Dana Program Sayangi Rumahku tahun 2020 di Yayasan Perak melibatkan peruntukan sejumlah RM2.59 juta daripada Kerajaan Negeri Perak. Peruntukan tersebut adalah bagi melaksanakan 156 projek baik pulih dan bina baru rumah kepada golongan miskin dan miskin tegar di negeri Perak.
- (c) Pematuhan terhadap Agihan Zakat Kepada Asnaf bagi tahun 2020 oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) kepada empat asnaf iaitu fakir, miskin, fisabilillah dan mualaf. Jumlah agihan ialah RM157.82 juta. Pengauditan ini melibatkan MAIPk Ibu Pejabat dan tiga

MAIPk daerah iaitu Batu Gajah, Teluk Intan dan Seri Iskandar.

4. Ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 12 syor untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
  
5. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Perak Tahun 2020 akan dimuat naik selepas pembentangnya di Dewan Undangan Negeri Perak pada 29 Mac 2022. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 29 Mac 2022 selepas jam 11.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

29 Mac 2022 M

26 Syaaban 1443 H